

17/02/2002

Krisis di Indonesia buat Pram terlalu kecewa

Mokhtar Alias

PERJALANAN hidup sasterawan ternama Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, 77, bagaikan roda yang melalui jalan berliku.

Namun, karya besarnya seperti Anak Semua Bangsa, Bumi Manusia, Jejak Langkah dan Rumah Kaca adalah lambang kehebatan Pramoedya yang banyak membicarakan karektor bangsa Indonesia walaupun tulisannya tidak disenangi pemerintah.

Anak jati Blora, Jawa Tengah yang lahir pada 6 Februari 1925 pernah merengkok dalam tahanan dan menjadi hamba di Pulau Buru selepas kegagalan rampasan kuasa Parti Komunis Indonesia (PKI) pada 30 September 1965.

Selama era Orde Baru, Pramoedya masih terus menulis tetapi buah tangannya tidak pernah sampai ke khalayak peminat sastera. Orde Baru pimpinan bekas Presiden Suharto memang anti-Pram dan karyanya apabila semua bukunya diharamkan.

Selepas kejatuhan Orde Baru, Pram berpeluang menikmati kebebasan mutlak dan kini, dia semakin banyak menerima anugerah dan pengakuan antarabangsa.

"Saya janji kepada diri saya sendiri, saya tidak akan mati dalam 30 tahun. Saya mahu melihat kejatuhan Orde Baru, itu bikin saya tidak mati.

"Sekarang Orde Baru sudah jatuh, saya lega melihat kejatuhan mereka di depan mata, pada ketika saya masih hidup," kata Pram perlahan-lahan sambil matanya merenung tajam jauh ke depan.

Ketika ditemui di rumahnya di Jalan Warung Wulan, Waringin Jaya, Bogor, keadaan Pram sudah agak uzur. Dalam masa seminggu, beliau memperuntukkan satu hari, mulai pagi hingga tengah hari untuk menerima tetamu.

"Banyak orang mahu ketemu tapi saya sudah tua, mudah capek (penat)," katanya.

Sejak 10 tahun lalu, Pram mengalami masalah pendengaran apabila berlaku penyempitan saluran pembuluh darah ke dalam otak dan pembuluh jantung.

Saya perlu bercakap dengan kuat dan memandang mukanya supaya komunikasi kami berjalan lancar. Itu tidak menghalang kelancaran perbualan kami kerana Pram tidak pernah letih untuk bercerita.

Beliau pernah berubat di Belanda dan Singapura atas sumbangan pihak yang beliau sendiri tidak ketahui tapi keadaannya masih belum pulih.

"Saya sudah berhenti menulis," kata Pram yang sebelum ini dia hanya boleh menulis menerusi mesin taip buruk yang masih disimpannya sehingga sekarang. Dia tidak mengenal komputer.

Laman rumah banglo barunya cukup indah tetapi beberapa ubahsuai sedang dilakukan. Hasil yang dinikmati daripada buku yang sudah banyak diterjemah ke dalam bahasa asing.

Antara bukunya, Nyanyi Sunyi Seorang Bisu memaparkan pengalaman peribadi, surat untuk anak dan hasil pengalaman sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul The Mute's Soliloquy. Pada 1999 dia diundang ke Amerika Syarikat untuk pelancaran buku ini - suatu lambang kemerdekaan yang tidak dinikmati selama Orde Baru.

Pram melalui pintu penjara ke penjara yang lain. Pada 1947 sehingga 1949 dia dipenjarakan oleh Belanda, menyusul 1960-1961 di bawah Sukarno dan paling lama ketika Orde Baru mulai 1965-1979.

Beliau berkata, karyanya banyak dipengaruhi unsur mahu membangunkan bangsa dan membentuk karektornya. Dalam buku-bukunya, semua persoalan yang dikemukakan tidak akan lari daripada persoalan ini.

"Malangnya, bangsa Indonesia telah mencapai kemerdekaan tetapi masih belum merdeka, kita masih dijajah. Kita pernah dijajah Belanda kerana

tidak mempunyai karektor.

"Sekarang ini secara simbolik penjajahan itu masih berlaku. Kekuasaan di tangan pemimpin dan bangsawan membuatkan rakyat tertindas sama seperti zaman penjajah," kata Pram.

Beliau terlalu kecewa dengan pelbagai konflik dan kacau-bilau yang sedang melanda Indonesia ketika ini. Seinggakan ada ketikanya beliau turut terlalu letih untuk memikirkan semua persoalan itu.

Pram sangat kagum dengan pemerintahan kerajaan Malaysia yang dapat membebaskan diri daripada penjajahan Barat dan membina ekonominya yang hampir runtuh.

"Saya kagum dengan Pak Mahathir (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya yang mengetahui perkembangan seharian termasuk dari Malaysia menerusi akhbar dan majalah. Beliau menyimpan bahan yang dirasakan menarik untuk rujukan dan bahan pemikiran.

Antara buku Pram yang baru dilancarkan, Percikan Revolusi dan Subuh mendapat sambutan menggalakkan. Beberapa naskhahnya akan diterjemahkan ke dalam bahasa asing terutama Inggeris.

Beliau mempunyai satu lagi pendirian bahawa beliau hanya akan menurunkan tanda tangan pada bukunya. Jika ada yang menghulurkan autograf jangan mimpi untuk mendapatkan tanda tangannya.

Perbualan di beranda rumahnya berlatar belakang suasana kampung dan pokok menghijau berterusan ke dalam rumah. Dia menunjukkan buku, segala macam poster, pelbagai anugerah yang pernah diterima dengan dan tanpa kehadirannya, selain koleksi peribadi.

Kita berminat untuk memetik kata-kata Ketua Bahagian Melayu Universiti Koeln, Prof Irene Hilgers dalam Tempo yang menyebut bahawa "Pramoedya ist ein Begriff - Pramoedya bukan hanya sekadar nama tapi sebuah pengertian, bahkan sebuah konsep."

Pram telah membuat namanya menjadi sebuah pengertian jauh sebelum beliau diasingkan di Pulau Buru selama 14 tahun. Siapa sangka belantara pengasingan ini memberikannya pengertian mengenai sejarah Indonesia dan soal kemanusiaan dalam sejarah.

(END)